



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### MAKLUM BALAS MEDIA

#### STATUS DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA IPOH

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin menjelaskan status Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bahawa tempoh perkhidmatan YBhg. Dato' Zamri Man sebagai Datuk Bandar MBI telah dipendekkan mulai 17 Februari 2019 atas faktor kesihatan. Pegawai telah ditempatkan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak mulai 18 Februari 2019 bagi menjalani rawatan pemulihan. Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah mengenal pasti calon pengganti yang bersesuaian dan akan melaksanakan pengisian jawatan tersebut dalam masa terdekat.

Sehubungan itu, dakwaan YB Paul Yong Choo Kiong, (ADUN Tronoh selaku Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Kampung Baharu) bahawa YBhg. Dato' Zamri Man akan disingkirkan dari jawatan Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh kerana tidak hadir bertugas tanpa cuti (AWOL), tidak mengemukakan sebarang sijil sakit dan menghilangkan diri selama beberapa bulan adalah tidak tepat seperti yang dilaporkan oleh sebuah akhbar tempatan baru – baru ini.

#####

#### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 24 April 2019  
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2( 39 )